

MAJALAH

INTEGRITI
INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA
The Malaysian Institute of Integrity

INTEGRITI

EDISI PERTAMA 2025



AMANAT INTEGRITI DAN TATAKELOLA: MALAYSIA MADANI

IIM DAN YAYASAN PEACE HIMPUN UCAPAN PERDANA MENTERI
DALAM BUKU INTEGRITI DAN TATAKELOLA

Ikuti artikel selanjutnya di m/s 8

KANDUNGAN

01 Bicara Ketua Pegawai Eksekutif IIM

UNTAIAN HARAPAN

02 Antara Amanah Dan Harapan Bicara Eksklusif

MENGENANG TUN ABDULLAH AHMAD BADAWI

21 Figura Integriti Malaysia

PERSONALITI INTEGRITI

06 *Nurturing A Nation Of Integrity:
Reclaiming The Role Of Social Institutions*

BOOST YOUR INTEGRITY

08 Dari Pentas Negara Ke Halaman Buku:
Amanat Integriti YAB Perdana Menteri

10 Good Governance Conference 2025:
Memacu Malaysia Ke Arah Tadbir Urus Terbaik Dunia

13 Pemantapan Integriti Komuniti Melalui Sinergi
IIM dan PBT: Menjayakan Agenda Integriti Negara

16 Menjulung Semangat Jakarta: Putrajaya
Menjadi Pentas Gelombang Antirasuah Serantau

INTEGRITY @ WORK

18 Mengukuh Tatakelola, Menambah Nilai CPI: Strategi
Baharu Malaysia MADANI

25 Integriti: Betulkan Yang Biasa, Biasakan Yang Betul

28 Program Pembangunan Integriti Bersama Komuniti /
Community Integrity Building (CIB) Majlis Bandaraya
Diraja Klang

31 Pembudayaan Integriti, Pemacu Tatakelola Gemilang

34 Dari Kampus Ke Komuniti: Memacu Kepimpinan
Berintegriti

36 Salah Faham Di Tempat Kerja: Ujian Integriti Dan
Punca Ketegangan Emosi

FILEM INTEGRITI

38 *The Auditors*

INSPIRASI INTEGRITI

40 Tolak RM50,000 Wang Rasuah Demi Integriti Sang
Saka Biru

INTEGRITI DI HATI

41 Integriti Dalam Jenaka

MENARIK DI INTEGRITI

44 *Podcast* Integriti: Bikin Serupa Cakap

46 *Integrity Youth Ambassador*

TRIVIA

48 Cabar Minda Integriti

INTEGRITI

INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA
The Malaysian Institute of Integrity

IIM PRESS

INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA (IIM)

Jabatan Perdana Menteri

Menara Integriti, Persiaran Tuanku Syed
Sirajuddin Off Jalan Tuanku Abdul Halim,
50480 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel : 019-3021494

Emel : feedback@iim.gov.my

Website : www.iim.gov.my

SIDANG REDAKSI

Penaung Dan Ketua Eksekutif

Tuan Haji Rahman Mohd Din

Penasihat

Norasikin Baharudin

Ketua Editor

Norsheeda Din

Jawatankuasa Editorial

Ahmad Yusri Ahmad Rozalan

Nabilah Abd Rahman

Ridzuan Zainal Ariffin

Nurul Shahirah Nadirah Marizan

Mohd Fadzly Mohd Poad

Jurufoto

Muhammad Fakhru Firdaus Rosli

Penyumbang Artikel

Dato' Seri Haji Mustafar Ali

Dato' Sri Dr. Akhbar Satar

Professor Dr Sarjit Singh A/L Darshan Singh

Zarina Mohamad Amin

Fison Hamdi Ahmad

Dr. Rashidah Kamarulzaman

Alida Mahmood

Noor Mohamad Shakil Hameed

Norfiza Mahfiz

Nur Fariyah Mohd Fadullah Sahimi

Dr. Zurina Abd Ghani

Muhammad Azrul Hazerin Abdul Razak

DARI KAMPUS KE KOMUNITI: MEMACU KEPIMPINAN BERINTEGRITI



Oleh
Dr. Zurina Abd Ghani
Pengarah, Pusat Kepimpinan IIUM
Universiti Islam Antarabangsa
Malaysia (UIAM)

Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia memainkan peranan penting dalam melahirkan barisan kepimpinan masa depan negara. Sebagai pusat pembentukan intelek dan sahsiah, IPT bukan sahaja perlu menumpukan kepada kecemerlangan akademik, tetapi juga perlu menekankan pembinaan karakter dan nilai teras yang kukuh, khususnya integriti. Justeru itu, kursus transformasi kepimpinan yang ditawarkan di IPT wajar menekankan pembudayaan integriti dan tadbir urus yang baik sebagai teras utama dalam membentuk pemimpin yang holistik.

Integriti bukan sekadar prinsip kejujuran atau keadilan, tetapi satu sistem nilai yang mencerminkan keselarasan antara kata dan perbuatan, antara janji dan tindakan. Dalam konteks kepimpinan, integriti menjadi asas kepada kepercayaan, kredibiliti dan keberkesanan seseorang pemimpin. Pemimpin yang berintegriti mampu membuat keputusan berdasarkan prinsip moral yang jelas, menjunjung akauntabiliti, dan mengelak daripada salah guna kuasa. Nilai ini tidak datang secara semula jadi, sebaliknya perlu dibentuk, diasuh dan diperkasakan melalui proses pendidikan dan latihan yang berterusan.

“

IPT juga berperanan sebagai pencetus perubahan masyarakat. Maka, pelajar yang melalui kursus transformasi kepimpinan berteraskan integriti harus digalakkan untuk terlibat dalam inisiatif komuniti dan advokasi sosial yang menekankan keadilan, kesaksamaan dan pemerkasaan masyarakat, di mana para pelajar perlu digalakkan untuk mengaplikasikan nilai yang dipelajari melalui penglibatan dalam aktiviti kemasyarakatan, terutama yang menjurus kepada advokasi keadilan sosial, pemerkasaan komuniti dan inklusiviti contohnya seperti menyantuni golongan orang kelainan upaya (OKU).

”

Menyedari hal ini, kursus transformasi kepimpinan di IPT perlu dirangka secara sistematik dan komprehensif dengan menekankan aspek integriti dalam setiap modul. Latihan kepimpinan bukan hanya tentang kemahiran teknikal seperti komunikasi, pengurusan projek atau pemikiran strategik, tetapi juga harus merangkumi latihan reflektif berasaskan nilai, simulasi dilema etika, serta pendedahan kepada isu-isu sebenar berkaitan rasuah, penyelewengan dan tadbir urus tidak beretika. Program seperti ini mampu membuka mata pelajar terhadap realiti dan cabaran kepimpinan, seterusnya melatih mereka membuat keputusan secara berprinsip dalam situasi yang mencabar. Ia juga amatlah penting untuk diberi penekanan kepada para pentadbir kerana mereka inilah yang akan memastikan keutuhan integriti dalam segenap aspek pentadbiran IPT. Latihan sebegini dapat membantu para pentadbir dan pelajar menyedari bahawa kepimpinan bukanlah sekadar jawatan atau pengaruh, tetapi satu amanah yang menuntut pertimbangan nilai dalam setiap keputusan yang dibuat. Lebih penting lagi, para pentadbir universiti juga harus terlibat aktif dalam kursus dan program ini, kerana merekalah cerminan pertama yang dilihat oleh pelajar dalam memahami erti sebenar kepimpinan yang berintegriti.

Selain itu, pendekatan pembelajaran yang berteraskan nilai (*values-based learning*) harus diintegrasikan dalam semua kursus kepimpinan. Modul-modul seperti "Kepimpinan Berteraskan Nilai", "Tadbir Urus dan Etika dalam Organisasi", serta "Kepimpinan Amanah dan Akauntabiliti" perlu dijadikan sebahagian daripada kurikulum wajib bagi pelajar yang terlibat dalam latihan kepimpinan, termasuk Majlis Perwakilan Pelajar, kelab-kelab akademik dan pertubuhan bukan kerajaan di kampus. Pentadbir haruslah peka dan sentiasa melibatkan diri dalam program-program anjuran pelajar dan juga program bersama masyarakat.

Tambahan pula, budaya integriti yang diterapkan melalui latihan kepimpinan harus disokong oleh ekosistem kampus yang telus, adil dan terbuka. Kepimpinan universiti dan pentadbiran perlu menjadi teladan utama dalam menjunjung integriti, serta menyediakan saluran yang selamat dan efektif untuk pelajar menyuarakan pendapat, membuat aduan



atau melaporkan sebarang salah laku. Pendekatan ini bukan sahaja membina keyakinan dalam kalangan pelajar, tetapi juga menanamkan kefahaman bahawa integriti adalah tanggungjawab bersama, bukan sekadar retorik kosong.

IPT juga berperanan sebagai pencetus perubahan masyarakat. Maka, pelajar yang melalui kursus transformasi kepimpinan berteraskan integriti harus digalakkan untuk terlibat dalam inisiatif komuniti dan advokasi sosial yang menekankan keadilan, kesaksamaan dan pemerkasaan masyarakat, di mana para pelajar perlu digalakkan untuk mengaplikasikan nilai yang dipelajari melalui penglibatan dalam aktiviti kemasyarakatan, terutama yang menjurus kepada advokasi keadilan sosial, pemerkasaan komuniti dan inklusiviti contohnya seperti menyantuni golongan orang kelainan upaya (OKU). Di sinilah nilai integriti diterjemahkan dalam bentuk tindakan, dan di sinilah kepimpinan yang sebenar diuji bukan di bilik mesyuarat, atau kelas tetapi dalam pergaulan dengan masyarakat yang pelbagai.

Kesimpulannya, pembudayaan integriti melalui kursus transformasi kepimpinan di IPT adalah pelaburan jangka panjang dalam memastikan Malaysia memiliki barisan pemimpin masa depan yang bukan sahaja bijaksana, tetapi juga jujur, bertanggungjawab dan berjiwa rakyat. Usaha ini menuntut komitmen bersepadu antara institusi, penggubal dasar, pendidik dan pelajar bagi memastikan nilai integriti bukan sekadar slogan, tetapi menjadi amalan hidup yang diterjemahkan dalam kepimpinan sebenar.



Institut Integriti Malaysia *The Malaysian Institute of Integrity*

INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA (IIM)

Jabatan Perdana Menteri

Menara Integriti,

Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin Off Jalan Tuanku Abdul Halim,
50480 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel : 019-3021494

Emel : feedback@iim.gov.my

www.iim.gov.my

